

Jangan Pinggirkan Mana-Mana Komuniti Khasnya Di Kawasan Dikuasai Pembangkang
Bernama
12 Disember, 2011

KUCHING, 12 Dis (Bernama) -- Bekas presiden Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) Tan Sri Dr George Chan mengingatkan kerajaan agar memastikan tidak ada komuniti yang dipinggirkan atau menjadi mangsa khasnya di kawasan yang dikuasai pembangkang.

Dr Chan, 75, yang juga bekas Timbalan Ketua Menteri Sarawak berkata kerajaan perlu memenangi kembali pengundi kawasan bandar, kalau tidak sudah pasti ada lagi tindakan balasan pada pilihan raya umum ke-13 (PRU-13).

"Barisan Nasional (BN) perlu menunjukkan ia juga prihatin dengan pengundi bandar," katanya dalam buku yang ditulisnya, "Apa Sekarang?" yang dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak semasa Persidangan Perwakilan SUPP Tiga Tahun yang ke-22 di sini minggu lepas.

Beliau melepaskan jawatan itu kepada presiden baru yang dipilih Datuk Seri Peter Chin, yang juga Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, setelah menerajui parti politik tertua di negeri ini serta parti komponen BN sejak 15 tahun lepas.

Dalam bukunya, beliau berkata, kedudukannya yang mempunyai tanggungjawab besar sebagai presiden parti, seperkara yang sentiasa diingatnya ialah untuk kekal berbaik-baik dan mengasihani mereka ketika mengendalikan yang lain, malahan lawan politik.

"Lawan kita dalam arena politik adalah juga penduduk senegeri kita, rakan warganegara. Mereka juga berniat baik dan mungkin mahu membantu dalam kemajuan negeri seperti kita lakukan, hanya kerana mereka mengambil pendekatan dan hala tuju berlainan dalam mencapai hasrat yang sama," kata beliau.

Dr Chan yang mengemukakan surat peletakan jawatannya kepada parti itu selepas gagal mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri Piasau pada pilihan raya negeri 16 April lepas tetapi diminta oleh Jawatankuasa Kerja Pusat parti untuk kekal sehingga tamat tempoh penggalnya, berkata beliau tidak menyalahkan sesiapa dan tidak ada perasaan pahit di hatinya.

"Saya telah cuba untuk mencerminkan sebagai seorang mesra kelakuan baik dan sentiasa tersenyum di mana-mana saya jumpa rakan dan anggota parti kita. Malah pada masa kritikal, malah yang sangat mengguriskan hati..." katanya.

Saya telah melakukan yang terbaik untuk parti dan bagi penduduk Miri dan Sarawak, katanya mengingati pencapaian terburuk SUPP dengan hanya memenangi enam daripada 19 Kerusi yang ditandingi.

Beliau sentiasa memberikan penekanan bahawa ia satu pemilihan apabila SUPP membuat semua langkah dan strategi yang betul untuk menang tetapi banyak faktor di luar kawalannya.

Ayah kepada empat anak perempuan dan datuk bagi 11 orang cucu itu berkata beliau

sentiasa mencintai Miri dan keputusan pilihan raya tidak akan melunturkan kecintaannya kepada bandar kelahirannya itu.

"Perancangan masa depan saya ialah akan berada di Miri dan hasrat saya ialah untuk membantu memajukan bandar raya itu dalam keupayaan yang berbeza," katanya sambil menambah bahawa cabaran pada masa akan datang untuk SUPP adalah banyak dan tanggungjawab membawa kembali kegemilangan lampau adalah sukar tetapi boleh.

Beliau berkata ramai rakyat Sarawak masih merasakan dan prihatin untuk parti itu, yang mempunyai sejarah silam.

Dalam menekankan bahawa SUPP memerlukan muka dan imej baru, katanya usaha serius diperlukan oleh pemimpin dan anggotanya untuk meningkatkan imejnya sebagai sebuah parti pelbagai bangsa di samping konsep 1Malaysia selain kembali kepada akar umbi untuk menerangkan keadaan sebenar yang kini dihadapi oleh parti itu.

"Kita hendaklah mengetepikan perasaan dan agenda peribadi. Parti itu mestilah didahulukan...Ini masanya untuk kita, pemimpin tua, menyerahkan tugas kita kepada pemimpin muda. Kita boleh menjadi mentor mereka dan memainkan peranan sebagai penasihat bagi membimbing pemimpin dan anggota baru," tambah Dr Chan.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=633568>